



NOTIS MAKLUMAN

UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2019 PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Selaras dengan Ucapan Belanjawan Tahun 2019 oleh YB Menteri Kewangan pada 2 November 2018, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan memanjangkan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam seperti berikut:

SYARAT SEMASA	PENAMBAHBAIKAN
A. TEMPOH PEMBIAYAAN PERTAMA	
1. Skim Pencen Tidak melebihi 360 bulan (30 tahun) atau tidak melebihi umur 90 tahun yang mana terdahulu.	1. Skim Pencen Tidak melebihi 420 bulan (35 tahun) atau tidak melebihi umur 90 tahun yang mana terdahulu.
2. Skim KWSP Terhad kepada umur tamat perkhidmatan atau 360 bulan (30 tahun) yang mana terdahulu.	2. Skim KWSP Terhad kepada umur tamat perkhidmatan atau 420 bulan (35 tahun) yang mana terdahulu.
B. TEMPOH PEMBIAYAAN KEDUA	
1. Skim Pencen Tidak melebihi 300 bulan (25 tahun) atau melebihi umur 90 tahun yang mana terdahulu.	1. Skim Pencen Tidak melebihi 360 bulan (30 tahun) atau melebihi umur 90 tahun yang mana terdahulu.
2. Skim KWSP Terhad kepada umur tamat perkhidmatan atau 300 bulan (25 tahun) yang mana terdahulu.	2. Skim KWSP Terhad kepada umur tamat perkhidmatan atau 360 bulan (30 tahun) yang mana terdahulu.

Penambahbaikan ini **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019** bagi permohonan **baharu sahaja**, yang dikemukakan secara atas talian (*online*) berserta dokumen permohonan yang diterima LPPSA mulai tarikh tersebut. Penambahbaikan ini tidak terpakai kepada mana-mana permohonan *online* berserta dokumen permohonan yang diterima LPPSA sebelum 1 Januari 2019 atau rayuan semula permohonan yang telah diluluskan sebelum tarikh tersebut (Rujuk **Jadual 1 dan 2**).

Jadual 1: Permohonan baharu

Permohonan	Tarikh permohonan <i>online</i> dihantar	Tarikh penerimaan dokumen di LPPSA	Penambahbaikan Belanjawan 2019
Baharu	Sebelum 1/1/2019	Sebelum 1/1/2019	Tidak Layak
		Pada atau selepas 1/1/2019	
	Pada atau selepas 1/1/2019	Sebelum 1/1/2019	Layak
		Pada atau selepas 1/1/2019	

Jadual 2: Permohonan rayuan semula

Permohonan	Tarikh Kelulusan Asal	Tarikh penerimaan dokumen di LPPSA (bagi rayuan semula)	Penambahbaikan Belanjawan 2019
Rayuan Semula	Sebelum 1/1/2019	Sebelum 1/1/2019	Tidak Layak
		Pada atau selepas 1/1/2019	
	Pada atau selepas 1/1/2019	Pada atau selepas 1/1/2019	Layak

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

26 November 2018